

2019

LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN

LAPORAN

TAHUNAN

ISI KANDUNGAN

MAKLUMAT KORPORAT	1
FUNGSI LEMBAGA	
PENGERUSI	
AHLI LEMBAGA	
KUMPULAN PENGURUSAN	
PENGURUSAN ORGANISASI	6
HALA TUJU STRATEGIK	
PENTADBIRAN DAN PERJAWATAN	
USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI	
PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI	
ICT DALAM PENGURUSAN	
BELANJAWAN DAN KEWANGAN	
PENGURUSAN SUMBER ASLI	21
RANCANGAN TEMPATAN DAERAH ROMPIN (PENGUBAHAN) 2015	
DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS GUGUSAN PULAU TIOMAN 2030	
KAWALAN PEMBANGUNAN	
KUALITI HIDUP MASYARAKAT	28
INFRASTRUKTUR FIZIKAL	
KEMUDAHAN SOSIAL	
PENGURUSAN KUMBahan	
PENGURUSAN KESIHATAN PERSEKITARAN DAN KAWALAN PERNIAGAAN	
PELANCONGAN	46
PRODUK	
AKSESSIBILITI	
KEMUDAHAN PELANCONGAN	
STATISTIK PELANCONGAN	

MAKLUMAT KORPORAT

PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN KONSEP KERJAYA

MAKLUMAT KORPORAT

Fungsi Lembaga

Fungsi-fungsi Lembaga seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen perubuhannya adalah seperti berikut:

- a. Melaksanakan segala fungsi Kerajaan Tempatan di dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- b. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman;
- c. Memajukan dan menggalakkan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman sebagai kawasan bebas duti;
- d. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersil dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman; dan
- e. Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut dalam perenggan (b), (c) dan (d) dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

PENGERUSI LEMBAGA

(Peruntukan Seksyen 5(1) (a), Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman
(Pindaan) 2002, bertarikh 11/6/2002)




PENGERUSI

YAB. Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.,
Menteri Besar Pahang

TIMBALAN PENGERUSI LEMBAGA

(Peruntukan Seksyen 5(1)(aa), Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman
(Pindaan) 2002, bertarikh 11/6/2002)



TIMBALAN PENGERUSI

YB. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.,
Seliausaha Kerajaan Pahang

AHLI LEMBAGA

(Peruntukan Seksyen 5(1)(b) Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman
(pindaan) 2002 bertarikh 11/6/2002)

Tiga Orang Wakil Kerajaan Persekutuan



YBhg. Dato' Hastina binti Abdul Hamid
(Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan),
Kementerian Pelancongan,
Seni dan Budaya Malaysia)



YBhg. Dato' Mohd. Sallehuddin bin Hassan
(Ketua Setiausaha,
Kementerian Pertanian dan
Industri Asas Tani Malaysia)



Puan Norhana binti Abdul Azis
(Timbalan Setiausaha Bahagian,
Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkamun,
Kementerian Kewangan Malaysia)

AHLI LEMBAGA

(Peruntukan Seksyen 5(1)(c) Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman
(Pindaan) 2002 bertarikh 11/6/2002)

Lima Orang Anggota Lain Yang Dilantik Menteri Besar



YH. Dato' Sri Maznah binti Mazlan



YH. Dato' Setia Wangsa Pahang
Dato' Indera Haji Mustafar bin Abu Bakar



YH. Dato' Haji Wan Abdullah
bin Haji Wan Salleh




YH. Dato' Haji Md. Rusli
bin Ismail



YB. Datin Hajah Shamsiah
binti Haji Arshad
(Ahli Dewan Undangan
Negeri, Muadzam Shah)

KUMPULAN PENGURUSAN



PENGURUSAN ORGANISASI

PENGURUSAN ORGANISASI

HALA TUJU STRATEGIK

Visi

Untuk menjadi peneraju utama yang progresif, dinamik dan berdaya maju bagi melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman.

Misi

Melaksanakan rangka kerja pengurusan dan pembangunan Kawasan Lembaga Pembangunan Tioman dengan cekap dan berkesan untuk menjamin kesejahteraan penduduk dan pelancong.

Teras Strategik

- Memastikan pengurusan sumber asli yang mampan.
- Mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat.
- Memperkasakan kelajuan modal insan.
- Merealisasikan potensi pembangunan pelancongan.
- Melaksanakan transformasi jentera pentadbiran.

PENTADBIRAN DAN

Perjawatan

Jawatan yang diluluskan kepada Lembaga Pembangunan Tioman oleh Agensi Pusat masih kekal seperti tahun lepas iaitu 42 jawatan. Kelulusan diberikan melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil. B26 Tahun 2018 bertarikh 16 Mei 2018 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018. Walau bagaimanapun tercapat perubahan SKP melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil. B56 Tahun 2019 bertarikh 4 Oktober 2019 berikutnya pelaksanaan Pokeling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 2017 mengenal Kenaikan Pangkat Secara Time Based Berasaskan Kecemerlangan bagi pegawai Kumpulan Pelaksana untuk kali pertama dan kedua di dalam Perkhidmatan Awam Negeri Pahang.

Berkaitan pelaksanaan perswastaan urusan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan sawam di Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan, Pulau Tioman, seramai enam (6) orang Anggota

PERJAWATAN

Perkhidmatan telah diserapkan ke Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. Pada 1 April 2019 seramai tiga (3) orang anggota Contract For Service telah mula bertugas di Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. Pada 1 Jun 2019 pula seramai tiga (3) orang Anggota Perkhidmatan Tetap telah bersara dari perkhidmatan di Lembaga Pembangunan Tioman dan dua (2) orang daripadanya telah bertugas dengan Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. manakala seorang lagi telah memilih untuk bersara di bawah Seksyen 10(5)(B) Akta Pencan Pihak-Pihak Berkusa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

Sesudah itu, tiga (3) jawatan tetap tersebut iaitu satu (1) jawatan Pomandu Jontra Pemunggah, Gred H14 dan dua (2) jawatan Pembantu Awam, Gred H11 perlu dimansuhkan dan dikeluarkan daripada senarai SKP Lembaga Pembangunan Tioman.

Selain itu, pada 28 Oktober 2019, seorang kakitangan tetap Lemitraja yang menyandang jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26/28 telah bersara wajib dari perkhidmatan di Lembaga Pembangunan Tioman di bawah Seksyen 10 (1) Akta Pencegah Pihak-Pihak Berkuaasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

Kedudukan perjawatan Lembaga Pembangunan Tioman pada 31 Disember 2019 adalah seperti Jadual di bawah:-

KUMPULAN PERKHIDMATAN	SURAT KELULUSAN PERJAWATAN (S.K.P.) (OS21000)			ANGGARAN BELANJA MENGURUS (OS29000)			JUMLAH	
	LULUS	PENGISIAN		PENGISIAN		ISI	KOSONG	
		TETAP	KUNTRAK (Contract Of Service)	KUNTRAK (Contract Of Service)	KONTRAK (Contract For Service)			
Pengurusan & Profesional	5	4	0	0	0	4	1	
Wakilraja	37	30	0	10	0	40	7	
JUMLAH	42	34	0	10	0	44	8	

Jadual 1: Kedudukan Perjawatan Tahun 2019

Sehingga akhir tahun 2018, terdapat lima (5) kekosongan jawatan yang masih belum disi berikutan proses pengukuhan perjawatan dan pegawai berpencen melibatkan jawatan Pegawai Tadbir, Gred N41/N44, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N26/N28, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Gred N22, Pembantu Laut, Gred A19 dan Pembantu Awam, Gred H14.

Selain perjawatan yang diwujudkan melalui Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil. B56 Tahun 2019 bertarikh 4 Oktober 2019, Pengurusan Lembaga juga mewujudkan sebanyak (11) jawatan-jawatan kontrak (Contract Of Service) di bawah Anggaran Belanja Mengurus (OS29000) Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun 2019. Walaubagaimanapun, sehingga akhir tahun 2019, seorang (1) anggota Contract Of Service iaitu Pemandu Kenderas, Gred H11 telah meletak jawatan.

Senarai perjawatan tersebut adalah seperti berikut:-

KUMPULAN PERKHIDMATAN / JAWATAN	GRED	JUMLAH
CONTRACT OF SERVICE		
Pelaksana		
1. Penolong Pegawai Penilaian	W29	1
2. Penolong Jurutera (Mekanikal)	JA29	1
3. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Opersasi)	N19	6
4. Pemandu Kenderaan	H11	1
5. Pembantu Awam	H11	2
JUMLAH		11

Keperluan perjawatan di Lembaga akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut fungsi dan skop tugas semasa melalui proses pengukuran perjawatan yang dilaksanakan secara bersama dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

Kursus / Bengkel / Latihan

Statistik kehadiran kursus anggota perkhidmatan Lembaga bagi tahun 2019 adalah seperti dalam Jadual 2.

Bil	Bil Hari	TAHUN 2019		PERBANDINGAN TAHUN 2018	
		Bil Anggota	Peratus	Bil Anggota	Peratus
1	> 7	17	35.42	19	36.54
2	7	3	5.25	2	3.85
3	6	1	2.08	2	3.65
4	5	12	25	8	3.62
5	4	2	4.17	3	5.77
6	3	8	16.67	10	19.23
7	2	2	4.17	6	11.54
8	1	2	4.17	0	0.00
9	0	1	2.08	5	9.62
JUMLAH		48	100%	52	100%

Jadual 2: Statistik Kehadiran Kursus/Bengkel/Latihan Tahun 2019

Dalam tahun ini seramai 20 orang daripada 48 orang kakitangan Lembaga (tidak termasuk kakitangan yang dipinjamkan ke Pejabat KDYMM Sultan Pahang) mencapai sasaran menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun iaitu sebanyak 41.67% berbanding tahun lalu seramai 21 orang daripada 52 orang atau 40.38% dengan peningkatan peratusan sebanyak 1.29%.

Penyertaan menghadiri kursus pada tahun hadapan akan dikaji semula mengikut keperluan perkhidmatan setiap Anggota Perkhidmatan mengikut skop tugas semasa masing-masing dan juga keperluan organisasi melalui Perancangan Pelan Latihan bagi tahun 2020.

USAHA KE ARAH PEMBUDAYAAN KUALITI

Pemantapan Dokumen Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja

Proses pemantapan dokumen Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bagi semua anggota

perkhidmatan dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada arahan semasa Kerajaan menerusi MyPortfolio masing-masing.

PENGUKUHAN SEMANGAT BERPASUKAN DAN PENINGKATAN MOTIVASI

Majlis Bersama Jabatan

Bagi mengeratkan hubungan serta mencapai kesepakatan di antara Majikan dan Anggota Perkhidmatan, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Lembaga Pembangunan Tioman diadakan secara berkala. Walaubagaimanapun, disebabkan beberapa kekangan di pihak Pengurusan berikutan kekosongan jawatan Pengurus Besar Lembaga bagi tempoh April hingga Disember 2019, Mesyuarat MBJ hanya dapat diadakan sekali (1) sahaja pada sukuhan pertama dalam tahun 2019 iaitu pada 28.03.2019.

Kursus Pengukuhan Kerja Berpasukan dan "Sense Of Urgency (SOU)" Untuk Anggota Lembaga Pembangunan Tioman Bagi Tahun 2019

Kursus Pengukuhan Kerja Berpasukan dan 'Sense Of Urgency (SOU)' di Pulau Tioman ini adalah kesinambungan kepada kursus yang sama diadakan di Kompleks Rakan Muda, Sukan Air Rompin, Kg. Pantai Baras, Rompin, Pahang pada 5-6/12/2019 yang lalu bagi Anggota Perkhidmatan di Tanjung Gemok dan sebahagian Anggota Perkhidmatan dari Pejabat Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan, Pulau Tioman. Anggota Perkhidmatan yang tidak terlibat semasa sesi kursus yang lepas telah dipilih untuk mengikuti Kursus Pengukuhan Kerja Berpasukan dan 'Sense Of Urgency (SOU)' yang diadakan di Peladeng Inn, Kg. Tekek Pulau Tioman ini.

Penambahbaikan dalam aktiviti kursus telah dilakukan bagi mempertingkatkan lagi prestasi Anggota Perkhidmatan dalam segala

sudut. Anggota Perkhidmatan yang terlibat adalah seperti berikut:-

Bil	Tarikh	Lokasi	Jumlah Anggota Perkhidmatan
1	21-22/1/2019	Peladeng Inn, Kg. Tekek, Pulau Tioman	24 orang

Jadual 7 - Kursus Pengukuhan

Kesan dan Impak yang positif dapat dilihat pada setiap Anggota Perkhidmatan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Kakitangan Kerajaan seerti mana matlamat kursus diadakan iaitu lebih cekap dan mempunyai semangat berpasukan serta dapat berinteraksi secara berkumpulan dengan lebih baik. Selain itu, Anggota Perkhidmatan juga dapat mengimbangi jati diri serta mental dan rohani dalam melaksanakan setiap tugas.

Justeru itu, adalah dicadangkan agar Kursus Pengukuhan Kerja Berpasukan dan 'Sense Of Urgency (SOU)' ini dilaksanakan pada setiap tahun dengan input yang berbeza dalam melahirkan Anggota Perkhidmatan dan organisasi yang cemerlang.

Program Utama

Majlis Kacau Bubur Lambuk dan Program Agihan Bubur Lambuk

Program ini tidak dapat diadakan pada tahun 2019 ini memandangkan peruntukan tambahan bagi Program Penggalakar Pelancongan Lembaga Pembangunan Tioman yang dipohon lewat diterima melopasi tempoh program sepatutnya diadakan. Program ini akan dirancang semula untuk tahun hadapan.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2019 yang dirancang juga tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini disebabkan kekangan kewangan. Peruntukan akan dipohon pada tahun hadapan bagi mengadakan program ini sebagai program utama dalam Kalendar Acara Pelancongan Lembaga Pembangunan Tioman.

Program Lawatan

Pada Tahun 2019, Kelab Keluarga dan Sukan Lembaga Pembangunan Tioman (KKSLPT) telah mengadakan Program Lawatan ke Medan, Indonesia pada 26-29 April 2019. Program Lawatan ini bertujuan bagi mengeratkan silaturrahim sesama Anggota Perkhidmatan di Lembaga Pembangunan Tioman.

"Tioman Monsoon Fun Run"

Selain itu juga KKSLPT telah menganjurkan aktiviti "Tioman Monsoon Fun Run" pada 2 November 2019. Program larian ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dari komuniti setempat.



Program Lawatan ke Medan, Indonesia Pada 26-29 April 2019.



Tioman Monsoon Fun Run Pada 2 November 2019

Penambahbaikan Pentadbiran (BKT)

Bahagian Perbandaran dan Kerajaan Tempatan (BKT), Lembaga Pembangunan Tioman, Kg. Tekek, Pulau Tioman telah melaksanakan penambahbaikan pentadbiran untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk lebih efektif dan berkesan. Selaras dengan pengualkuasaan pengambilalihan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) mulai 1 Mac 2020, BKT telah menyusun semula unit-unit yang meliputi:

- a) Unit Pertadbiran dan Kewangan;
- b) Unit Penilaian dan Pengurusan Harta;
- c) Unit Pelesenian dan Pengualkuasaan;
- d) Unit Kesihatan Awam;
- e) Unit Teknikal Awam dan Mekanikal; dan
- f) Unit Tindakan Khas.

> Unit Tindakan Khas (BKT)

Dalam sepanjang tahun 2019, Unit Tindakan Khas sentiasa berada dalam keadaan siap sedia bagi melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa. Unit Tindakan Khas merangkumi tugas-tugas seperti berikut:

- a) Pengurusan landskap dan tapak semaijan;
- b) Pengurusan kebersihan kawasan di bawah operasi Lembaga; dan
- c) Pengurusan aduan dan kes kecemasan seperti bencana/banjir/pokok tumbang/tanah runtuh dan kerja berkaitan.

Senarai tugas Unit Tindakan Khas:

BIL	KERJA-KERJA TINDAKAN KHAS	TARIKH
1.	Pembersihan kawasan gerai lama di Benteng, Kg. Tekek.	14 Mac 2019
2.	Kerja mencantas dahan-dahan pokok di jaluan PPRM, Kg. Tekek.	9 – 11 April 2019
3.	Pembersihan rumah penduduk yang terjejas akibat kejadian pokok tumbang, Kg. Tekek.	16 April 2019
4.	Perianamari pokok bunga landskap di ruang niaga Lombaga tepi Sungai Tekek, Kg. Tekek.	19 – 22 April 2019
5.	Kerja mencantas dahan pokok di depan Pejabat Kastam, Kg. Tekek.	8 Mei 2019
6.	Pembersihan pantai akibat kejadian tumpahan minyak (tarball) kali kedua di Kg. Juara.	26 Mac 2019 1 Julai 2019
7.	Pembersihan jaluan utama Bukit Berjaya (Jalan MARRIS) Kg. Tekek.	24 Julai 2019
8.	Kerja mencantas pokok-pokok bunga di kawasan awam berhampiran BSN, Kg. Tekek.	24 Disember 2019
9.	Pembersihan jaluan utama Jalan MARRIS, Kg. Tekek.	27 Disember 2019

Jadual 4: Kerja-kerja Pasukan Tindakan Khas, Lembaga Pembangunan Tioman



Program Gotong-Royong

BI	PERKARA	TARIKH
1.	Gotong-Royong Membersihkan Luar Kawasan Bangunan Kraf Kg. Juara Bersama-Sama Penyewa Bangunan dan Penduduk Sekitar di Kg. Juara.	8 Mac 2019
2.	Gotong-Royong Membersihkan Tumpahan Minyak di Pantai Kg. Juara Bersama-Sama Para Pengusaha Pusat Skuba di Kg. Juara.	26 Mac 2019
3.	Program Urban To Island 3.0 – Projek Pengkomposan Vermi di Kg. Tekek, Pulau Tioman Anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) Dengan Kerjasama Lembaga Pembangunan Tioman.	31 Mac 2019
4.	Program Sehati Sejiwa Iejak Kasih Tioman dan Agihan Bubur Asyura di Kg. Tekek Anjuran Swcorp Rompin Dengan Kerjasama Lembaga, AFSB dan MPKK Tekek.	11 September 2019



Gotong-Royong Membersihkan Luar Kawasan Bangunan Kraf Kg. Juara



Program Urban To Island 3.0 di Kg. Tekek





ICT DALAM PENGURUSAN

Pengurusan Sistem HRMIS

Keputusan pencapaian KPI HRMIS peringkat Negeri Pahang masih belum dibentangkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. Sasaran Lembaga Pembangunan Tioman bagi tahun 2019 masih mengekalkan pencapaian 100% dan mendapat pengiktirafan lima (5) bintang.

MODUL (WAJARAN)	MARKAH (%)	PENCAPAIAN KPI
Data Perjawatan (20%)	20	
Rekod Peribadi & Profil Perkhidmatan (20%)	20	
Sasaran Kerja Tahunan (SKT) (15%)	15	★ ★ ★ ★ ★
Perisyiharan Harta (15%)	15	
LNPT (20%)	20	
Penamatan Perkhidmatan (10%)	10	
JUMLAH	100%	5 BINTANG

Jawat 4: Pencapaian KPI HRMIS Tahun 2019

BELANJAWAN DAN KEWANGAN

Kedudukan Kewangan

Terimaan

Bagi Bajet Tahun 2019, Pengurusan Lembaga Pembangunan Tioman menganggarkan Terimaan berjumlah RM880,510 daripada hasil-hasil utama Lembaga iaitu Kutipan Cukai Taksiran Am (CTA), Sumbangan Membantu Kadar (SMK), Perlesenan dan Hasil Pelbagai. Kutipan sebenar yang berjaya dikutip pada tahun 2019 adalah RM1,260,430.

BIL	PERKARA	BAJET	TERIMAAN SEBENAR
		RM	RM
1	Cukai Taksiran Am	599,061	640,327
2	Sumbangan Membantu Kadar	44,649	45,858
3	Lesen Perniagaan	100,000	136,261
4	Sewa Ruang Nlaga	100,000	128,422
5	Sewa Pelbagai	5,500	42,579
6	Rumah Kakitangan	6,000	5,370
7	Pendapatan Notis/Denda	3,300	11,482
8	Permit Bangunan	13,000	2,037
9	Pelbagai Pendapatan	9,000	217,677
Jumlah Keseluruhan		880,510	1,260,430

Jadual 5: Bajet Kutipan Hasil Utama Lembaga Bagi Tahun 2019

Prestasi Kutipan Hasil Utama

1. Cukai Taksiran Am (CTA)

Sehingga 31 Disember 2019, Lembaga telah berjaya mengutip hasil CTA sebanyak RM640,327, iaitu 94% dari nilai pegangan semasa yang dinyatakan dalam Bajet 2019.

2. Sumbangan Membantu Kadar (SMK)

Tuntutan SMK Aset Kerajaan Persekutuan telah dikemukakan pada 12 Februari 2019, manakala bagi Aset Kerajaan Negeri pada 29 Mei 2019. SMK dari Kerajaan

Persokutuan telah diterima pada 20 Jun 2019, manakala dari Kerajaan Negeri pada 23 Ogos 2019.

3. Sewaan Ruang Niaga

Hasil Sewaan Ruang Niaga yang Patut Kutip dalam tahun 2019 ialah sebanyak RM168,825. Dalam tahun semasa, sehingga 31 Disember 2019, Lembaga telah berjaya mengutip hasil sewaan sebanyak RM128,422 iaitu melebihi daripada sasaran kutipan Patut Kutip sebanyak RM40,403.

4. Perlesenan

Sepanjang tahun 2018 terdapat 342 lesen (290 lesen lama dengan 50 daripadanya adalah lesen tahun 2019 yang diperbaharui pada tahun 2018 dan 52 lesen baharu). Manakala jumlah pengeluaran

lesen pembiagaan berakhir pada 31 Disember 2019 adalah sebanyak 341 lesen dengan pembaharuan lesen sebanyak 257, 33 permohonan baru melibatkan 499 jenis perniagaan dikeluarkan oleh Lembaga.

5. Hasil Pelbagai

Selain daripada kutipan hasil di atas, Lembaga juga turut menerima hasil daripada penjualan borang-borang tender/sebut harga, sewa bot dan kendaraan, kutipan sampah di kawasan persendirian, serta Faedah ke atas Simpanan Tetap. Jumlah perolehan setakat 31 Disember 2019 daripada hasil Pelbagai ini adalah sebanyak RM177,882.

K Perbelanjaan

Perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2019 adalah seperti berikut-

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
1.	Belanja Mengurus	3,051,693
2.	Belanja Pembangunan	46,930
	JUMLAH	3,098,623
Jadual 6 : Prestasi Perbelanjaan 2019		

PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Tioman bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 masih dalam proses penyediaan dan akan diberikan kepada Jabatan Audit Negara Negeri Pahang untuk diaudit sebelum atau pada 30 April 2020.

PENGURUSAN SUMBER ASLI

PENGURUSAN SUMBER ASLI

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH ROMPIN (PENGUBAHAN) 2015

Rancangan Tempatan Daerah Rompin (Pengubahan) 2015 telah diwartakan pada 20 Disember 2012 dengan No Warta 1884 hendaklah dibaca bersekali dengan Rancangan Tempatan Daerah Rompin (2002 – 2015) yang telah digunakan sehingga kini sebagai garis panduan perancangan pembangunan di Pulau Tioman. Daerah Rompin terdiri daripada lima (5) mukim iaitu mukim Keratong, Rompin, Pontian, Endau dan Tioman dan Tioman terletak di dalam Blok Perancangan 6 (BP 6).

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) GUGUSAN PULAU TIOMAN PAHANG, 2030

Kajian Rancangan Kawasan Khas telah dijalankan mulai April 2018 hingga Oktober 2018 (6 bulan). Penyediaan Draf RKK ini telah melalui proses Publisiti dari

Penyertaan Awam selama empat (4) minggu bermula 1 Ogos 2019 hingga 31 Ogos 2019 selaras dengan peruntukan Subseksyen 13 (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Pameran dan Pemeriksaan Laporan telah diadakan di tiga (3) lokasi berikut :-

- (i) Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman, Kg. Tekek;
- (ii) Jeti Penumpang Kg. Tekek; dan
- (iii) Kompleks Tun Razak (KOMTUR), Kuantan,



Salah Satu Kounter Semakan Laporan di Jeti Penumpang Kg. Tekek, Pulau Tioman

Sebagaimana keperluan Subseksyen 13(2) Akta 172, Draf RKK telah disiarkan sebagai permakluman kepada orang awam menerusi dua (2) akhbar tempatan iaitu Sinar Harian (Nasional) dan New Straits Times (Semenanjung) sebanyak tiga (3) keluaran.

Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Gugusan Pulau Tioman, Pahang 2030 telah dirasmikan oleh Wakil Rasmi Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Mohd Jchari Bin Haji Hussain pada 6 Ogos 2019 di Dataran Tioman, Kg. Tekek Pulau Tioman.

Jenis Akhbar	Tarikh Keluaran		
	I	II	III
Sinar Harian (Nasional)	1 Ogos 2019	15 Ogos 2019	31 Ogos 2019
New Straits Times (Semenanjung)	1 Ogos 2019	15 Ogos 2019	31 Ogos 2019



Selain kaunter semakan dan pameran, taklimat dan hebahan program publisiti dan penyertaan awam bagi Draf RKK ini juga turut dijalankan pada 29 Ogos 2019 bertempat di Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman, Kg. Tekek. Taklimat ini melibatkan wakil penduduk, pengusaha chaiset, NGO, dan pihak berkepentingan sebagai salah satu kaedah dan langkah untuk mendapatkan cadangan, ulasan serta maklumbalas terhadap leporan Draf RKK yang telah dikemukakan.



Program Taklimat Mendapat Sambutan Yang Baik Dari Pihak Penduduk Tempatan Serta Pengusaha Chaiset Di Pulau Tioman

Sebanyak 92 barang bantahan dan cadangan telah diterima melibatkan 269 isi yang berkaitan pembangunan di Pulau Tioman. Antara isi yang mendapat perhatian adalah berkaitan sektor Perhubungan dan Pengangkutan, Pelancongan dan Biodiversiti dan Keupsayaan Tampungan.

KAWALAN PEMBANGUNAN

Permohonan Perihal Tanah

Dalam tahun semasa, 22 permohonan perihal tanah telah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapat kelulusan dan masih di dalam peringkat pertimbangan. Permohonan tersebut ialah :-

1. Permohonan Merzabkan Tanah Kerajaan Di Bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara Untuk Kompleks Penghulu Mukim Tioman Seluas 607 Meter Persegi di Kg. Tekek;
2. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kedai Seluas 0.099 hektar di Kg. Juara;
3. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kedai Seluas 0.10 Hektar di Kg. Tekek;
4. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Sea Sport Seluas 0.0824 Hektar di Kg. Tekek;
5. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Jeti Seluas 0.136 Hektar di Tg. Kasut;
6. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Warung Seluas 0.034 Hektar di Kg. Juara;
7. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kedai Seluas 0.0343 Hektar di Kg. Rayu;

6. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Gereja Seluas 0.20023 Hektar di Kg. Genting;
9. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Chalet Seluas 0.05089 Hektar di Kg. Genting;
10. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kedai Seluas 0.16383 Hektar di Kg. Genting;
11. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Rladah dan Rekreasi Seluas 0.4347 Hektar di Kg. Paya;
12. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Kedai Seluas 0.02278 Hektar di Kg. Selang;
13. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Penginapan Muah Alih (Kontena) Seluas 0.3092 Hektar di Kg. Tekek;
14. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Perniagaan Seluas 0.02626 Hektar di Kg. Mukut;
15. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Untuk Kegunaan Tapak Chalet Seluas 0.495 Hektar di Kg. Genting;
16. Permohonan Pembetimilikan Tanah Kerajaan Daripada Tenaga Nasional Berhad Seluas 37.2 Meter Persegi di Kg. Paya;
17. Permohonan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Untuk Kegunaan Industri (Tapak Stesen Janaelektrik) Seluas 383.4 Meter Persegi di Kg. Juara;

18. Pemberimentikan Tanah Kerajaan Daripada Lembaga Muzium Negeri Pahang Seluas 0.80 Hektar di Kg. Juara;
19. Permohonan Menukar Kategori Tanah Dari Pertanian (Kelapa) Kepada Bangunan (Perniagaan – Hotel/ Chalet/ Resort) Bagi Lot PT 205 (HSM 206) di Sg. Tedau Seluas 1.2414 Hektar (3 Ekar) Daripada Zetty Juyanty binti A.Rahim;
20. Permohonan Menukar Kategori Kegunaan Tanah Dari Pertanian (Kelapa) Kesada Bangunan (Perniagaan – Hotel / Chalet / Resort) Bagi Lot PT 205 (HSM 206) di Sungai Tedau Seluas 1.2141 Hektar (3 Ekar) Daripada Zetty Juyanty binti A. Rahim;
21. Permohonan Menukar Kategori Kegunaan Tanah Dari Pertanian (Kelapa) Kepada Bangunan (Perniagaan – Hotel/ Chalet/ Resort) Bagi Lot PT 206 (HSM 207) di Sg. Tedau Seluas 1.2141 Hektar (3 ekar) Daripada Zetty Juyanty binti A.Rahim; dan
22. Permohonan Menukar Kategori Kegunaan Tanah Dari Pertanian (Kelapa) Kepada Bangunan (Perniagaan – Hotel/ Chalet/ Resort) Bagi Lot 753 (GM562) di Sg. Tedau Seluas 1.23 Hektar (3.039 ekar) Daripada Zetty Juyanty binti A.Rahim.

One Stop Centre (OSC)

Dalam Tahun 2019, Lembaga Pembangunan Tioman telah menerima tiga (3) permohonan kelulusan cadangan pembangunan baru iaitu :-

1. Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Serah Balik dan Berimilik Semula di Bawah Seksyen 204D bagi Mendirikan Bangunan As-Built Cadangan Pembangunan Eko Pelancongan di Atas Lot 438 (GM 167) dan

PT 32 (HSM 28) Kg Juara, Mukim Tioman, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur;

2. Permohonan Kebenaran Merancang bagi Cadangan Pembangunan Resort dan Jeti di Atas PT 802 (Dahulunya Lot 31, Lot 32, Lot 33 dan Lot 37) dan Sebahagian Tanah Kerajaan Seluas 7.54 Ekar, Mukim Tioman, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur; dan
3. Permohonan Pelan Bangunan bagi Cadangan Pembangunan Resort dan Jeti di Atas PT 802 (Dahulunya Lot 31, Lot 32, Lot 33 dan Lot 37) dan Sebahagian Tanah Kerajaan Seluas 7.54 Ekar, Mukim Tioman, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur.

Environmental Impact Assessment (EIA)

Penilaian Kesan Alam Sekitar atau lebih dikenali lagi dengan "Environmental Impact Assessment" (EIA) boleh ditakrifkan sebagai satu proses formal yang digunakan untuk menjangkakan atau meramalkan kesan (sama ada positif atau negatif) dari projek pembangunan kepada alam sekitar dan ianya merupakan salah satu cara yang boleh digunakan oleh pihak yang berkuasa untuk membuat keputusan dengan membuat perimbangan secara menyeluruh. Bagi tahun 2019, terdapat dua (2) ulasan laporan EIA dan Termas Asas Rujukan (TOR) EIA yang diterima sepanjang tahun ini iaitu :-

1. *Term Of Reference For The Impact Assessment (EIA) Of The Proposed Resort Development On Lot 31,32,33 & 37, Mukim Tioman; dan*
2. *Laporan Penilaian Alam Sokongan Environmental Impact Assessment (EIA) Bagi Proposed Resort Development On PT 802 (Formerly Lot 31,32,33 & 37), Mukim Tioman.*

KUALITI HIDUP MASYARAKAT

KUALITI HIDUP MASYARAKAT

INFRASTRUKTUR FIZIKAL

Bekalan Air

Rekabentuk projek telah disiapkan dan konsultan dalam proses untuk mendapatkan kelulusan dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi melaksanakan kerja Penyiasatan Tapak (Soil Investigation) dan Mackintosh. Lawatan tapak bagi projek ini dijangka akan diadakan pada Mac 2020.

Telekomunikasi

Telekom Malaysia (TM) menyediakan kemudahan telekomunikasi sebanyak 840 talian menggunakan kemudahan 'radio direct feed' di semua penempatan utama kecuali di Kg. Mukut.

Dalam tahun semasa, semua kampung utama di Pulau Tioman telah mendapat perkhidmatan telefon selular dan telefon talian

tetap yang disediakan samada oleh pihak TM, Digi, Celcom atau Maxis kecuali di Kg. Mukut. Kemudahan internet – streamyx (Kg. Salang, Kg. Air Batang, Kg. Tekek, Kg. Paya, Kg. Genting dan Kg. Juara) dan broadband juga disediakan di semua kampung.

Projek Menaiktaraf Kemudahan Asas, Infrastruktur dan Utiliti

Dalam Tahun semasa, Lembiaga Pembangunan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) akan melaksanakan projek dengan menggunakan peruntukan dana RETF (Real Estate Tourism Fund) sebanyak RM 5.5 juta. Projek-projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti di Jadual 7.

BIL.	Projek	Kos (RM)	Status
1	Kerja-kerja Menaiktaraf Infrastruktur Untuk Jeti Kg. Genting dan Jambatan Sungai Mangkal Kg. Genting Pasir Tioman Serta Lebih-lebih Kerja Yang Berkaitan	5.5 Juta	Pembentangan rekabentuk projek telah pihantang kepada ECERDC. Projek ini akan ditender pada Disember 2019.

Jadual 7: Projek Dana Real Estate Tourism Fund (RETF)

KEMUDAHAN SOSIAL

Perumahan

Dalam tahun semasa, bilangan penduduk di Pulau Tioman ialah seramai 3,574 orang manakala bilangan rumah ialah 775 buah seperti Jadual 8.

Jadual 8 : Bilangan Kediaman dan Penduduk Tahun 2019

Kampung	2017		2019	
	Bil. Rumah	Bil. Penduduk	Bil. Rumah	Bil. Penduduk
Salang	40	279	46	250
Air Batang dan Tekek	155	2,092	521	2,218
Paya, Genting dan Lanting	86	435	70	397
Mukut	48	225	60	289
Juara	70	289	78	420
Jumlah	697	3,314	775	3,574

Sumber Maklumat: Bancian 2010 (2017) dan Pejabat Penghulu Mukim Tioman (2018)

Pembinaan 116 unit rumah cluster bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) cimilki Kg. Tekek di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telahpun siap dibina pada Tahun 2015. Sehingga kini sebanyak 106 unit rumah yang telah ditawarkan manakala sebanyak 83 penarik (termasuk 2 unit bagi kegunaan Balai Bomba) telahpun menerima kunci manakala 26 pemohon masih belum selesai urusan bayaran pinjaman.

Ruang Niaga

Pelbagai jenis perniagaan dijalankan di penempatan-penempatan di mana kebanyakannya adalah bersaiz kecil yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Bilangan dan jenis perniagaan yang dijalankan dalam tahun semasa adalah seperti Jadual 9.

Jadual 9 : Ruang Niaga Di Pulau Tioman

BR	Nama Kampung	Dive shop	Hiburan dan Rekreasi	Makanan	Pekhidmatan	Trod Pelbagai	Jumlah
1.	Salang	5	-	8	12	13	38
2.	Ai Batang	4	-	17	19	8	45
3.	Tekok	4	4	27	14	52	101
4.	Paya	2	-	9	2	9	22
5.	Genting	4	-	18	13	18	53
6.	Mukut	1	1	8	12	7	29
7.	Juara	-	-	14	15	6	35
JUMLAH		20	5	101	87	113	326

Bagi Cadangan Pembinaan Kompleks Pintu Masuk Kg. Tekok, Lembaga Pembangunan Tioman akan mengadakan perbincangan lanjut bersama pemaju projek iaitu DR Group Holdings Berhad mengenai halaju projek ini.

PENGURUSAN KUMBAHAN

Projek Jangka Pendek

Lembaga Pembangunan Tioman dengan hasil usahasama Indah Water Konsortium Pahang telahpun melaksanakan satu (1) program jangka pendek bagi pengurusan kumbahan di premis swasta, bangunan kerajaan dan kediaman di Kg. Tekek dan Kg. Salang melalui peruntukan yang telah diluluskan dari Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECEROC). Peruntukan untuk melaksanakan program jangka pendek ini akan dimohon lagi bagi melaksanakannya di kampung-kampung yang lain.

PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

Pengambilalihan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

- Semenjak tahun 1997 hingga 2016, Lembaga telah menawarkan Kontrak Bagi Kerja-Kerja Pemungutan, Pengangkutan

dan Pelupusan Sisa Pepejal Serta Pemotongan Rumput Secara 'Barges System' kepada pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di Pulau Tioman.

- Pada tahun 2017 hingga Februari 2019, kontrak pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah ditawarkan kepada pihak MPKK kampung dan kontraktor.
- Kos kontrak pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang telah dikeluarkan oleh TDA adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kos (RM)
Sebelum	233,000.00
2017	385,897.00
2018	409,528.00
2019	440,877.00

- Lembaga telah menandatangani perjanjian *Tripartite* di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkaitan pengambilalihan pengurusan sisa

pepejal dan pembersihan awam pada **1 September 2011**. Proses ini susulan pemakalan Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

- Susulan itu, mulai **1 Mac 2019**, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah diambil alih sepenuhnya oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) melalui Syarikat Konsesi Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB).
- Pengambilalihan ini melibatkan skop kerja seperti berikut:
 - a) Sapuan jalan;
 - b) Pembersihan longkang;
 - c) Pemotongan rumput;

- d) Pembersihan tandas awam;
- e) Pembersihan tempat awam; dan
- f) Pembersihan pusat penjaja.

Memperbaiki Sistem Pelupusan

Pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah pun melantik operator bagi menguruskan loji insinuator bagi menguruskan loji insinuator Kg. Tekek. Lantikan telah dibuat oleh MOF kepada Syarikat Drizzle Engineering dengan tempoh selama tiga (3) tahun bermula 15 Mac 2018. Sehingga kini loji insinuator masih beroperasi seperti biasa dengan "backlog" yang berbaki 45 tan.

Kronologi Pengambilalihan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Pulau Tioman



Pelaksanaan Program Kitar Semula, Pengasingan Sampah dan Pendidikan

- ↳ Program kitar semula, pengasingan sampah dan pendidikan adalah di bawah tanggungjawab pihak Parbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) susulan daripada pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang berkuatkuasa di Pulau Tioman pada 1 Mac 2019.
- ↳ Namun begitu, pihak Lembaga akan bekerjasama dengan pihak SWCorp dalam melaksanakan aktiviti pendidikan terhadap penduduk dan pengusaha tempatan komersial dalam

menguruskan sisa pepejal dengan baik.

- ↳ Dalam usaha yang sama, pihak SWCorp telah mewartakan:

a) Peraturan-Peraturan

Pengurusan Sisa Pepejal
Pembinaan diwartakan pada 1 November 2018 yang akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1 Januari 2020.

- ↳ **Peraturan Bagi Pengurusan Sisa Pepejal Sektor Komersial, Perindustrian dan Kelinstitusian (CII)** yang diwartakan pada 1 Ogos 2018 akan berkuatkuasa sepenuhnya mulai 1 Mac 2020.



Sesi Takhimah CII Kepada Penguruhia Resort Di Pulau Tioman

Perlaksanaan Projek Kompos (Vermicomposting)

Projek Pengkomposan Vermi (**Vermicomposting**) telah diperluaskan kepada pihak Sekolah Kebangsaan (SK) Tekek, Kg. Tekek bagi kesirambungan projek tersebut. Namun begitu, pihak UPM sentiasa mengajurkan program bersama para pelajar UPM dengan kerjasama pihak Lembaga dan pihak SK Tekek bagi memberikan pendedahan kepada pelajar semester baru kaedah pengkomposan vermi.



**PENGURUSAN KESIHATAN PERSEKITARAN DAN KAWALAN
PERNIAGAAN**

Kawalan Dan Pencegahan Penyakit Berjangkit

➤ Aktiviti Kawalan Vektor

- Pulau Tioman merupakan salah sebuah pulau bebas denggi. Namun begitu, terdapat lima (5) kes demam denggi yang dilaporkan pada tahun 2019 yang merupakan kes import dan tempatan.
- Lembaga Pembangunan Tioman sentiasa melaksanakan aktiviti semburan asap secara berkala di tujuh (7) buah kampung di Pulau Tioman.

Pecahan Jumlah Kes Demam Denggi Di Pulau Tioman		
• Demam denggi		
- Kampung Tekok	5	
• Denggi berdarah	0	

Tindakan Kawalan	Jumlah Premis	
	Kediaman	Perniagaan
Premis yang diperiksa	387	321
Premis yang positif pembiakan	15	96
Premis yang disembur	387	4
Notis pembersihan yang dikeluarkan	115	96
Brochure/pamflet yang diedar	387	321

Jadual 11: Aktiviti Kawalan Kes Demam Denggi di Pulau Tioman

Kampung	Tarikh Semburan
Salang	17 – 18 September
Air Batang	12 – 14 Mac
Gentang	24 – 26 Sepember
Paya	8 Oktober
Mukut	22 April
Tekok	12 – 14 Februari
Juara	6 – 7 Ogos

Jadual 10: Aktiviti Semburan Kabus/Asap di Pulau Tioman

- Semburan bagi kawalan kes demam denggi:

Kawasan	Tarikh
Kampung	
Tekok	11 Februar
	18 Februar (ulangan)
	29 November
	6 Disember (ulangan)
	2 Disember
	9 Disember (ulangan)



Aktiviti Sambutan Kabur Asap Enggi Kawalan Kes Dalam Denggi di Pulau Tioman

Kawalan Kualiti Dan Mutu Makanan

Fungsi Dan Tanggungjawab


Memberikan penaraian dan pengiktirafan kepada semua premis makanan di Pulau Tioman mengikut tahap kebersihannya.

Mengurangkan kadar insiden penyakit bawaan makanan dan air serta kemalangan yang disebabkan olehnya.

Mernastikan makanan yang disediakan adalah selamat untuk dimakan.

Mempertingkalkan tahap kebersihan dan nilai estetika sesebuah premis makanan.

Mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran pengusaha dan pengendali premis makanan terhadap kebersihan dan keselamatan makanan.




Pengeluaran Kad Pengendali Makanan

- Semua pengendali makanan di Pulau Tioman perlu mendapatkan suntikan typhoid daripada klinik-klinik yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan membuat permohonan kad pengendali makanan daripada Lembaga Pembangunan Tioman.
- [Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1986 dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (2005)]


- Bagi Tahun 2019, Lembaga Pembangunan Tioman telah memproses sebanyak 345 permohonan kad pengendali makanan kepada pemohon.

Pecahan Jumlah Pengeluaran Kad Mengikut Kampung	
Kampung Muda	8
Kampung Ganting	23
Kampung Paya	41
Kampung Teluk	131
Kampung Ali Bahang	22
Kampung Salang	31
Kampung Jawa	29



Promosi Kesihatan

- Lembaga Pembangunan Tioman sentiasa berusaha meningkatkan tahap kesedaran awam berkaitan penjagaan kebersihan kawasan di Pulau Tioman termasuklah premis perniagaan dan kediaman. Statistik promosi dan pendidikan kesihatan adalah seperti di dalam rajah.



Kawalan Perniagaan

Fungsi Dan Tanggungjawab

Memproses permohonan baru dan pembaharuan Lesen Premis Pemilagaan Dan Iklan, Lesen Penjaja, Permit Perniagaan-Sementara dan Lesen/Permit Hiburan

Menjalankan aktiviti pemantauan berkala ke atas semua premis perniagaan di Pulau Tioman.


Mengeluarkan notis-notis ke atas kelidakpatuhan di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil Lembaga Perisarcutian Tioman (2005).

Menguruskan aduan awam di Pulau Tioman.

- Salah satu fungsi PBT yang diambil alih oleh Lembaga Pembangunan Tioman adalah melesenkan aktiviti atau jenis perniagaan ke atas semua premis perniagaan di dalam Kawasan Pentadbiran Lembaga Pembangunan Tioman selaras dengan peruntukan **Seksyon 107, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Undang-Undang Kecil Pelesenan Lembaga Pembangunan Tioman (2005)**.
- Terdapat empat (4) jenis permohonan lesen perniagaan iaitu:
 - a) Lesen Premis Perniagaan Dan Iklan
 - b) Lesen Penjaja
 - c) Permit Perniagaan Sementara
 - d) Lesen/Permit Hiburan
- Sepanjang tahun 2019, terdapat 341 lesen melibatkan 499 jenis perniagaan telah dikeluarkan oleh Lembaga dengan kutipan hasil berjumlah RM166,676.80.

Lesen	bil	Jumlah Hasil (RM)
Lesen Premis Perniagaan Dan Iklan	334	133,945.80
Lesen Penjaja	20	1,854.20
Permit Perniagaan Sementara	5	90.00
Lesen Hiburan	5	31,576.00
Jumlah	241	166,676.80

Jadual 13: Pecahan Bilangan Pengeluaran Lesen dan Kutipan Hasil Tahun 2019



Peratus Pengeluaran Lesen Perniagaan Di Pulau Tioman

PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

Fungsi Dan Tanggungjawab

Melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas pemakaian Akta 171, Akta 172, Akta 133, Enakmen Negeri dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (2005)

Menjalankan aktiviti pemantauan secara berkala ke atas semua premis perniagaan di Pulau Tioman.

Mengambil tindakan ke atas acuan-aduan awam yang berlaku di Pulau Tioman.

➤ Perundangan

- Lembaga Pembangunan Tioman telah diberi kuasa sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 01 Jun, 2002.
[Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Ke-13/2002 pada 22 Mei, 2002].
- Melalui keputusan ini, Lembaga telah menjalankan fungsi-fungsi PBT seperti mana yang digariskan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (2005).
- Pada Tahun 2019, pihak Lembaga telah membuat pindaan ke atas tujuh (7) Undang-Undang Kecil (Lembaga Pembangunan Tioman) 2005 yang melibatkan bahagian peleseran perniagaan. Pindaan tersebut dalam semakan pihak Pejabat Undang-Undang Negeri Pahang.

**Senarai Pindaan Undang-Undang Kecil
Lembaga Pembangunan Tioman (2005)**

1. Undang-Undang Kecil Pasar
2. Undang-Undang Kecil Kawalan Dan Penyeliaan Tempat-Tempat Makan
3. Undang-Undang Kecil Penjaja
4. Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pendandan Rambut
5. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian
6. Undang-Undang Kecil Hotel
7. Undang-Undang Kecil Iklan

Jadual 14: Senarai Pindaan Undang-Undang Kecil Lembaga Pembangunan Tioman (2005) yang telah diwartakan pada 19 Januari, 2005

- Lembaga Pembangunan Tioman telah terlibat sama dalam sesi Bengkel Semakan Peraturan Negeri Pahang yang telah dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang bersama-sama *Malaysia Productivity Corporation (MPC)*. Bengkel ini bertujuan untuk menyeragamkan semua peraturan-peraturan dan undang-undang di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pahang disebabkan iaanya sudah terlalu lama dan kurang relevan digunakan pada masa kini.

➤ Penguatkuasaan

- Sebanyak 78 notis telah dikeluarkan mengikut kesalahan bagi tahun 2019.

Jenis Kesalahan	Jumlah
Menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah	30
Papan iklan tanpa lesen	47
Aduan awam	1
Jumlah	78

Jadual 15: Jumlah Notis Yang Dikeluarkan Mengikut Jenis Kesalahan

PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

> Fungsi dan Tanggungjawab

Mengawal serta aktiviti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh Anggota Perkhidmatan Lembaga di Kampung Tekek.

Menjalankan aktiviti gotong-royong dan kempen kebersihan di Pulau Tioman.

Mengawal serta aktiviti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ke stas Kontraktor Pembersihan di lain-lain kampung selain Kampung Tekek.

Melaksanakan kerja-kerja tincakan khas sebagai bantuan awal apabila berlakunya bencana.

> Kutipan Sisa Pepejal Dan Kebersihan Kawasan

- ↳ Lembaga telah menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam di Pulau Tioman sejak Tahun 1997 sehingga kini.
- ↳ Selaras dengan Dasar Perswastaan Negara, Lembaga telah menandatangani **Perjanjian Tripartite Pengambilalihan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam** di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Dan Lembaga

Pembangunan Tioman pada **1 September 2011**. Namun begitu, pengambilalihan tersebut masih belum dapat dilaksanakan disebabkan dokumentasi yang belum lengkap.

↳ Kutipan sisa pepejal dan pembersihan kawasan di **Kampung Tekek** dilaksanakan oleh **Anggota Perkhidmatan Lembaga**. Terdapat empat (4) pembahagian unit di Bahagian Perbandaran Dan Kerajaan Tempatan (BKT).

Unit:	Keterangan Tugas	Kekerapan
Unit Penungutan Dgn Pengangkutan Sisa Pepejal	Pemungutan, pengangkutan dan pepusoh sisa pepejal dan sisa bukit di semua lokasi tang dan floating Sungai Tekek.	Dua (2) kali sehari Setiap hari kecuali Hari Raya Puasa Aidilfitri dan Aidiladha
Unit Pemotongan Rumput	Pemotongan rumput di tiga (3) Zon iaitu: - Kawasan Kualies JKR sehingga Laluan Belakang Airport. - Laluan kiri dan kanan jalan Vision sehingga laluan ke Dewan. - Kawasan Dewan sehingga Taman Laut.	Dua (2) pusangan sebulan
Unit Kebersihan Air	Melaksanakan pembersihan laluan utama, lembah, kawasan awam dan pantai.	Setiap hari bekerja

Jadual 16: Senarai Unit dan Tugas Bagi Kutipan Sisa Pepejal dan Kebersihan Kawasan di Kg. Tekek

- Bagi lain-lain kampung, kuli-pen sisa pepejal dan pembersihan Kawasan telah dikontrakkan kepada pihak Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan Kontraktor yang dilantik oleh pihak Lembaga.

- Purata penanganan sisa pepejal di Pulau Tioman mengikut musim adalah seperti berikut:

Kuantiti Penghaestian Sisa Pepejal di Pulau Tioman

Musim biasa	1 – 2 tan sehari
Musim puncak (April – Julai)	4 – 6 tan sehari

JKKK/ Kontraktor	Kampung	Kos (RM) Setahun
Kampung Tekek	Air Batang Dan Paruba	59,600.00
Kampung Juara	Juara	96,000.00
Kampung Genting	Genting	70,000.00
Kampung Mukut	Mukut Air Terjun Asah	54,818.00
Abd. Malik Bin Othman	Salang	57,760.00
Ilham Tioman Enterprise	Payar	24,750.00
Jumlah:		391,928.00

Jadual 17: Kos Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam di Lain-Lain Kampung di Pulau Tioman Tahun 2018



Pengurusan Sisa Pepejal Daripada Lain-Lain Kampung di Pulau Tioman

PELANCONGAN

PELANCONGAN

PRODUK

Aktiviti Rekreasi Laut dan Pantai

Pada masa ini, hampir 80% aktiviti pelancongan di Pulau Tioman adalah terlalui ke kawasan laut dan pantai. Pulau Tioman sememangnya terkenal dengan keindahan khazanah dasar laut menjadi daya tarikan utama kepada pelancong. Selain kawasan Pulau Tioman itu sendiri, pulau-pulau kecil berhampiran seperti Pulau Rengis, Pulau Suyak, Pulau Tulai dan Pulau Labas adalah antara tarikan dan pilihan utama pelancong untuk melakukan aktiviti snorkeling dan selam skuba.

Manakala di kawasan pantai pula, aktiviti riadah seperti bola tampar pantai, bola sepak pantai serta aktiviti sunbathing menjadi pilihan para pelancong. Bagi golongan muda yang suka aktiviti lebih mencabar kebiasaan mereka akan mencuba untuk meluncur ombak dan berkayak. Bagi kaki pancing pula,

aktiviti momancing dan mencandat solong boleh dilakukan di laut dalam (jarak dua (2) batu nautika dari pantai bagi Pulau Taman Laut).

Pembangunan Aktiviti Daratan

Walaupun Pulau Tioman lebih dikenali dengan keindahan laut dan pantainya, masih banyak aktiviti daratan seperti kembara hut dan rock climbing yang boleh diteroka oleh pelancong di sini. Dalam usaha membangunkan aktiviti ini, Lembaga Sentiasa Bersikap Terbuka untuk membantu dan bekerjasama dengan mana-mana pihak yang berminat menjalankan program berkaitan aktiviti tersebut. Trek kembara hut dari Kampung Tekek ke Kampung Juara dan Kampung Air Batang ke Kampung Salang merupakan antara laluan yang paling popular digunakan oleh pelancong untuk menjalankan aktiviti kegemaran mereka ini.

Aktiviti memanjat gunung di Gunung Kajang dan Gurung Neneh semukut juga menjadi satu daya tarikan utama pelancong yang menggemari aktiviti lasak ini. Para pelancong yang gemarkan aktiviti ini biasanya akan tinggal lebih lama di Pulau Tioman kerana aktiviti ini mengambil masa yang agak panjang. Selain itu,

terdapat beberapa lagi tarikan aktiviti hutan yang menjadi pilihan pelancong seperti melihat Pokok Pakma dan cameleon di hutan Kampung Juara, aktiviti melihat burung serta aktiviti santai di Air Terjun Asah, Kampung Asah dan Air Terjun Lubuk Teja, Kampung Juara.

Antara usaha pihak Lembaga dalam menyokong serta mempromosikan aktiviti rekreasi laut dan pantai serta aktiviti di daratan ini dengan membantu melaksanakan beberapa acara yang dianjurkan oleh pihak swasta. Acara-acara ini telah pun menjadi acara tahunan di Pulau Tioman. Berikut merupakan acara pelancongan yang telah berlangsung sepanjang tahun 2019 di Pulau Tioman.

Jadual 16. Acara Pelancongan

BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	LAPORAN
1	Tioman Surfestival (Kampung Juara)	31 Januari hingga 2 Februari	Tioman Boardriders Event Management	<ul style="list-style-type: none"> - Acara pada tahun ini melibatkan seramai 106 orang peserta. Acara ini melibatkan 87 orang peserta tempatan dari Pulau Tioman, Kuantan, Cherating, Terengganu, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Sabah dan Sarawak. - Peserta Antarabangsa pula berjumlah 19 orang yang terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> • Maldives- 11 orang • Indonesia- 3 orang • Jerman- 2 orang • Perancis- 2 orang • Singapura- 1 orang

BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	LAPORAN
				<ul style="list-style-type: none"> - Acara pada tahun ini telah mendapat liputan dari media resmi acara ini iaitu RedTurtle Media.
2	Bubble Camp (Kampung Genting)	25 Mac hingga 28 Mac, 2019	Villagers Travel & Tours Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Penganjuran Bubble Camp pada tahun ini telah berjaya menarik minat 44 orang peserta yang terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> • 22 orang peserta dari sekolah-sekolah di Pulau Tioman • 22 orang peserta - Para peserta terdiri daripada pelajar sekolah berusia 9 hingga 15 tahun. - Acara pada tahun ini telah mendapat liputan dari media-media berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Bernama TV - Astro Awani
4	Sail Malaysia Passage To The East Yacht Rally 2019 (Kampung Tekek)	4 dan 5 Mei, 2019	SM Discovery Sdn. Bhd	<ul style="list-style-type: none"> - Pada tahun ini sebanyak 28 buah kapal layar dengan 73 orang peserta dari pelbagai negara seperti Australia, Canada, United Kingdom, USA dan New Zealand turut singgah di perairan Tioman bagi menyeraht Rally ini.

BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	LAPORAN
	 			<ul style="list-style-type: none"> - Sepert tahun-tahun sebelum ini, kita menyambut peserta rally kapal layar ini dengan mengadakan acara sukan rakyat yang turut disertai penduduk Pulau Tioman. Manakala pada hari kedua, para peserta akan dibawa menjelajah alam hutan dari Kg. Tekok ke Kampung Juara. - Berita tentang acara ini boleh didapati di website www.sailmalaysia.net dan juga laman Facebook Sail Malaysia.
5	Start In Tioman 2019 (Kampung Genting)	27 hingga 30 Jun 2019	Villager's Travel & Tours	<ul style="list-style-type: none"> - Penganjuran acara pada tahun ini telah berjaya menarik minat 212 orang peserta yang terdiri daripada penyelam ber lesen, penyelam yang mengambil lesen, snorkeler dan kumpulan media. - Aktiviti sepanjang acara berlangsung adalah: <ul style="list-style-type: none"> - open water dive course - advance open water course - discovery scuba diving - raya Dive - conservation dive - artificial reef deployment – ketupat reef - SIT Open house – 10th anniversary - Pertandingan fotografi underwater - cabutan bertuah - sukan pantai - Acara pada tahun ini telah mendapat liputan dari media-media berikut: <ul style="list-style-type: none"> • RTM • Bernama TV • Astro Awani • Santai Travel (majalah dan laman sesawang)



BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	LAPORAN
6	Royal Pahang Billfish International Challenge 2019 (Kampung Lanjut Rompin)	13 hingga 15 September 2019	Glocal Tech Solution Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Penganjuran pada kali ini adalah kali ke-15 diadakan. - Penyertaan pada kali adalah sebanyak 39 pasukan (117 orang peserta) yang terdiri dari pasukan: <ul style="list-style-type: none"> • Malaysia- 22 pasukan • Singapura- 7 pasukan • Jepun- 4 pasukan • Australia- 1 pasukan • New Zealand- 1 pasukan • UK- 1 pasukan • Jerman- 1 pasukan • India-1 pasukan • China- 1 pasukan - Acara pada tahun ini telah mendapat liputan daripada: <ul style="list-style-type: none"> • RTM • BERNAMA • The Star • Berita TV9
7	Tioman Monsoon Fun Run 2019	2 November 2019	Kelab Kebajikan Dari Sukan Lembaga Pembangunan Tioman	<ul style="list-style-type: none"> - Acara ini merupakan satu acara baharu dan julung kali diadakan pada tahun ini. Acara ini melibatkan larian sepanjang 5km bermula dari Dataran Tioman menuju ke sekitar Kampung Tekuk dan berpatuh balik semula ke Dataran Tioman. Penganjuran kali pertama ini telah menarik penyertaan seramai 238 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia. - Selain acara larian itu sendiri, aktiviti sampingan iaitu Perlantungan Mewarna kanak-kanak sekolah rendah serta

BIL.	NAMA PROGRAM/ TEMPAT	TARIKH	PENGANJUR	LAPORAN
				cabutan berjuah kepada peserta turut diadakan bagi meriahkan lagi hari pertandingan.

Pembangunan Industri Pelayaran

Sepanjang tahun 2019 sebanyak 139 buah kapal layar telah singgah di Marina Awam Pulau Tioman. Selain dari pelayar yang singgah untuk mendapatkan bekalan makanan atau keperluan lain, terdapat segelintir yang memilih untuk tinggal lebih lama di Pulau Tioman. Keindahan alam semulajadi Pulau Tioman dan suasana yang tenang menjadi tarikan utama para pelayar yang singgah di sini. Ada antara pelayar

yang tinggal beberapa bulan dan ada juga pelayar yang berulang setiap tahun untuk menghabiskan masa di Pulau Tioman. Hal ini kerana mereka tertarik dengan keindahan alam semulajadi yang ada di sini selain dari kemudahan marina yang disediakan. Para pelayar dapat menggunakan kemudahan elektrik dan sumber air tawar di marina dengan kadar bayaran tertentu yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Laut



Mewujudkan Aktiviti Musim Tengkujuh

Jika kita melihat kepada pola kemasukan pelancong ke Tioman pada setiap tahun, bermula pada bulan November sehingga Februari menunjukkan penurunan kemasukan pelancong yang sangat banyak berbanding waktu puncak. Hal ini kerana, cuaca semasa musim tengkujuh menjadi halangan kepada pelancong untuk melakukan pelbagai aktiviti. Perkhidmatan pengangkutan ke Pulau Tioman juga terhad dar menyukarkan pelancong untuk datang. Oleh yang demikian, pihak Lembaga cuba mencari inisiatif untuk menggunakan musim tengkujuh sebagai salah satu tarikan kepada penggemar sukan luncur ombak. Aktiviti luncur ombak ini biasanya diadakan di Kampung Juara kerana ombak di sana lebih tinggi dan besar menjadikannya sesuai untuk menjalankan aktiviti tersebut. Pertandingan luncur ombak *Tioman Surfestival* yang diadakan telah menarik kemasukan pelancong dari dalam dan luar negara. Selain itu, terdapat juga pelancong dan penduduk tempatan yang bermain luncur ombak ini di Kampung Paya, Kampung Tekek dan Kampung Salang.

Bermula tahun ini juga, satu acara baharu telah diperkenalkan iaitu *Tioman Monsoon Fun Run 2019*. Acara larian yang santai ini juga diadakan sebagai salah satu tarikan untuk pelancong datang ke Pulau Tioman semasa musim tengkujuh. Dengan berlangsungnya acara-acara begini sedikit sebanyak akan memberi gambaran kepada pelancong bahawa Pulau Tioman masih lagi menerima pelancong walaupada musim tengkujuh. Kebanyakan pengusaha resort juga pada masa ini tetap merentas operasi resort dan restoran mereka bagi menyediakan penginapan dan makan minum kepada pelancong,

Kedua-dua aktiviti ini berpotensi menjadi salah faktor yang membantu merealisasikan hasrat Lembaga dalam menjadikan Pulau Tioman sebagai destinasi unggul pelancongan sepanjang tahun.

AKSESSIBILITI

Jeti

Akses utama untuk masuk ke Pulau Tioman adalah melalui Jeti Tanjung Gemok, Rompin dan juga Jeti Mersing, Johor. Operasi kedua-dua jeti ini adalah di bawah seiliaan Jabatan Laut Malaysia. Penumpang yang menaiki feri ini akan diturunkan di setiap kampung mengikut destinasi penginapan masing-masing. Hentian feri di Pulau Tioman adalah di Jeti Kampung Genting, Jeti Kampung Paya, Jeti Kampung Tekek, Jeti Kampung Air Batang dan Jeti Kampung Salang.

Feri

Perkhidmatan feri yang berpengkalan di Tanjung Gemok dikendalikan oleh Syarikat Bistari Gemilang Shipping Sdn. Bhd. dan Cataferry Sdn. Bhd. Jadual feri dari jeti Tanjung Gemok ini adalah cerbeza bagi setiap syarikat tersebut. Namun begitu, pada musim puncak jadual perjalanan setiap feri akan ditambah bersantung kepada temahan dan permintaan

penumpang. Jadual perjalanan akan dikeluarkan pada setiap bulan. Pihak Lembaga juga turut sama mempromosikan penggunaan perkhidmatan feri di Tanjung Gemok ini. Penyalarasari tempahan secara cukai bagi petugas dan mereka yang terlibat di dalam setiap acara kendalian Lembaga atau acara-acara lain dibuat menerusi perkhidmatan feri di sini. Direktori syarikat perkhidmatan feri di Tanjung gemok ini turut dimuatkan dalam laman web milik Lembaga (www.tioman.gov.my) bagi membantu mempromosikan perkhidmatan feri ke Tioman melalui Tanjung Gemok, Kuala Rompin, Pahang.

Selain itu, terdapat juga perkhidmatan feri alternatif ke Pulau Tioman iaitu melalui Mersing, Johor. Kebanyakannya pelancong yang menggunakan perkhidmatan feri di Mersing adalah mereka yang menggunakan Lebuhraya Utara Selatan, pelancong dari selatan Semenanjung Malaysia dan juga dari Singapura. Jadual perjalanan feri dari Mersing ini adalah lebih kerap

dan bilangan feri yang beroperasi juga lebih banyak. Namun begitu, perjalanan feri ini bergantung kepada jadual pasang surut air laut,

Lapangan Terbang

Pada masa ini perkhidmatan pengangkutan udara yang beroperasi di Lapangan Terbang Kg. Tekek hanyalah pesawat peribadi dan tempahan khas sahaja. SAS Air beroperasi dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dan terbang ke Tioman mengikut tempahan yang ada. Selain itu, ia juga turut terbang dari Kuantan jika terdapat permintaan oleh penumpang. Kapasiti penumpang pesawat kepunyaan SAS Air adalah dari 6 hingga 14 tempat duduk sahaja.

Satu (1) Syarat penerbangan berjadual iaitu SKS Airways telah membuka pejalanannya di Lapangan Terbang Kg. Tekek. Namun begitu, perkhidmatan penerbangan dijangka akan bermula pada awal pacuan pertengahan Mac, 2020. Pesawat ini akan membawa pelancong masuk ke Pulau Tioman melalui tiga (3) lapangan

terbang utama iaitu Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Lapangan Terbang Seletar, Singapura dan Lapangan Terbang Antarabangsa Sera, Johor.

Penerbangan berjadual, Berjaya Air telah menamatkan servis dan mengosongkan promis mereka di Lapangan Terbang Kg. Tekek bermula Disember 2014.

KEMUDAHAN PELANCONG

Penambahbaikan / Naik Taraf Premis Penginapan

Industri pelancongan di Pulau Tioman semakin hari semakin pesat membangun. Jika dilihat dari awalnya, hanya penduduk tempatan sahaja yang membina rumah-rumah penginapan dan restoran. Namun kini fenomena telah berubah di mana terdapat sebilangan pelabur luar yang membeli atau menyewa tanah untuk dibangunkan menjadi rumah penginapan, pelancong, restoran maupun kedai cenderahati. Premis penginapan yang mampu menyediakan fasiliti dan

perkhidmatan yang bertaraf lima bintang mampu menjadi nilai tambah kepada industri pelancongan di Pulau Tioman.

Dalam tahun 2019, beberapa buah resort telah menambah jumlah bilik mereka serta ada juga yang mengurangkan jumlah bilik kerana keadaan bilik yang agak uzur dan memerlukan pembaharuan semula.

struktur bangunannya. Fasiliti bilik juga telah ditambahbaik seperti penyediaan televisyen dan juga kemudahan WiFi serta pensambabkan / penukaran perabot-perabot yang telah lama kepada ciri yang lebih moden dan menarik. Berikut merupakan pecahan bilangan resort bagi setiap kampung di Pulau Tioman.

BIL	KAMPUNG	JUMLAH	JUMLAH BILIK
1	MUKUT	9	128
2	GENTING	14	310
3	PAYA	5	302
4	TEKEK	16	655
5	AIR BATANG	23	224
6	SALANG	17	304
7	JUARA	20	277
JUMLAH BESAR		104	2200

STATISTIK PELANCONG

Kemasukan pelancong ke Tioman sehingga 31 Disember 2019 adalah seramai 276,156 orang. Angka ini menunjukkan peningkatan seramai 20,092 orang berbanding tahun 2018. Pelancong antarabangsa paling ramai adalah dari Singapura, China, Britain dan Jerman.

Bagi tujuan mengemaskini data-data kedatangan pelancong ke Tioman, pengambilan maklumat kedatangan pelancong ini dibuat setiap bulan. Selain mengambil kiraan kemasukan pelancong melalui feri dan kapal terbang, mod pengangkutan lain juga turut diambil kira seperti kapal periaran atau kapal layar dan bot-


bot tempahan khas untuk aktiviti menyelam yang kebiasaannya akan masuk pada hujung minggu.

Usaha-usaha bagi menambahkan bilangan pelancong yang datang serta pertambahan tempoh

penginapan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa. Statistik kemasukan pelancong dari sepuluh tahun terdekat termasuk tahun semasa adalah seperti berikut.

Jadual 19: Statistik Ketibaan Pelancong





bu pejabat : No. 142, Jalan Endau Rompin, Tanjung Gemak, 26820 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur
No. Tel : 609-4133171 ; No. Fax : 609-4133178

Cawangan Tioman : Kg. Teket, Pulau Tioman 26830 Rompin Pahang Darul Makmur
No. Tel : 609-4191 242 ; No. Faks : 609-4191 394
e-mail : ido@tioman.gov.my
website : www.tiomed.gov.my